

7 mati tertimbus

Dua lagi parah dalam kejadian tanah runtuh hempap lima rumah di Sungai Ruil, Cameron Highlands

B114 8/8/2011 MA1


Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Nurhayati Abillah
bhnews@bharian.com.my

CAMERON HIGHLANDS: Tujuh terbunuh dan dua parah dalam kejadian tanah runtuh di Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata, di sini, pada jam 5.45 petang semalam.

▶▶ LIHAT MUKA 14



PASUKAN penyelamat menggunakan jengkaut untuk mencari mangsa yang terperangkap dalam kejadian tanah runtuh di Kampung Orang Asli Sungai Ruil dekat Tanah Rata, Cameron Highlands, malam tadi.



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat bertungkus-lumus berusaha mengeluarkan mangsa yang terperangkap di Kampung Orang Asli Sungai Ruil dekat Tanah Rata, Cameron Highlands, semalam.

Hujan lebat punca tanah runtuh

8/4 3/8/11 MS W.

DARI MUKA 1

Mayat mangsa pertama ditemui jam 6.30 petang manakala tiga mayat terakhir termasuk bayi ditemui jam 1.30 pagi.

Dua mangsa yang cedera belum dikenal pasti.

Ketua Polis Daerah Cameron Highlands Deputy Superintendan Wan Mohd Dahari Wan Busu, berkata mayat pertama seorang wanita dikeluarkan pada jam 6.30 petang, manakala lelaki jam 11.25 malam. Dua lagi masing-masing jam 12.25 pagi dan 12.35 pagi. Tiga mangsa terakhir dikeluarkan jam 1.30 pagi.

“Dalam kejadian di perkampungan yang terletak di bawah bukit itu, lima rumah tertimbus dengan empat da-

ripada tertimbus sepenuhnya,” katanya.

Kejadian tanah runtuh terbahit dipercayai berpunca akibat hujan lebat di kawasan berkenaan sejak jam 4 petang dan sebuah pondok polis sudah dibuka sejurus kejadian itu bagi menyelaras aktiviti menyelamatkan oleh semua pihak terbabit.

“Kawasan yang tertimbus membabitkan 13 meter panjang dan 50 meter lebar selepas tanah pada ketinggian 100 meter runtuh,” katanya.

Katanya, pasukan penyelamat terdiri daripada 100 anggota bomba dan penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), polis, Majlis Daerah Cameron Highlands dan dibantu orang awam sedang bertungkus-lumus melakukan

kerja mencari dan menyelamatkan (SAR) di tempat kejadian.

“Satu platon Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Pasukan Mencari dan Penyelamat Khas Malaysia (SMART) juga digerakkan untuk memberi bantuan menyelamatkan,” katanya.

Wan Mohd Dahari berkata, tugas SAR mungkin berdepan kesukaran kerana keadaan gelap.

Sementara itu, Timbalan Komander Operasi Komuniti, Kecemasan dan Bertindak Cameron Highlands, R Ramakrishnan, berkata pasukan penyelamat sudah memindahkan beberapa penduduk dari rumah berdekatan kejadian itu ke kawasan selamat di Dewan SRJK Cina, Brinchang.